

29 OCT 2001

Mahathir-Laos

MALAYSIA SOKONG KEANGGOTAAN LAOS DALAM WTO, KATA MAHATHIR

PUTRAJAYA, 29 Okt (Bernama) -- Malaysia menyokong sepenuhnya keanggotaan Laos dalam Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO), kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata Malaysia gembira kepimpinan Laos terus melaksanakan pembaharuan dan mewujudkan institusi-institusi sokongan ke arah pembentukan ekonomi berorientasikan pasaran.

"Malaysia berpendapat bahawa keinginan Laos untuk menganggotai WTO merupakan satu langkah yang tepat dan Malaysia menyokong sepenuhnya keanggotaan Laos dalam pertubuhan tersebut," katanya dalam ucapan di majlis makan malam di Seri Perdana malam ini sempena lawatan Perdana Menteri Laos, Bounnhang Vorachith.

Bounnhang sedang dalam rangka lawatan selama tiga hari ke Malaysia bermula hari ini.

Dr Mahathir berkata melalui dasar 'prosper-thy-neighbour' (memakmurkan jiran) yang diamalkan oleh Malaysia, sektor swasta negara ini digalakkan melabur di negara-negara jiran seperti Laos.

Beliau berkata pelabur-pelabur Malaysia sedang aktif menyumbang ke arah pembangunan ekonomi Laos terutama dalam bidang pembinaan, perhutanan, perbankan, khidmat runding dan pendidikan.

"Ini adalah memberangsangkan," kata Dr Mahathir.

Kini terdapat 18 syarikat Malaysia yang beroperasi di Laos dengan jumlah pelaburan bernilai US\$276.9 juta. Malaysia merupakan pelabur keempat terbesar di negara itu.

Perdana Menteri berkata pelaburan terbaru Malaysia di negara itu melibatkan kajian kemungkinan pembinaan projek kuasa hidro bernilai US\$300 juta di daerah Champassak di selatan Laos.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia serta rakan-rakan lain dalam ASEAN juga telah bersetuju membantu mengurangkan jurang perbezaan digital dan pembangunan di kalangan rakan ASEAN dalam usaha memahirkan diri dengan teknologi terkini.

"Malaysia akan membantu rakan-rakan ASEAN terutama Kemboja, Myanmar, Laos dan Vietnam menuju ke arah itu," katanya.

Beliau berkata Malaysia juga berpendapat perlu untuk mengurangkan jurang pembangunan antara negara-negara ASEAN yang lebih maju dengan keempat-empat negara-negara berkenaan dengan cara membantu meningkatkan keupayaan dan pembangunan institusi sokongan negara-negara itu.

"Pendekatan ini akan membolehkan keempat-empat negara itu mencipta semula sistem perekonomian mereka dan menarik pelaburan asing," katanya.

Dr Mahathir juga berkata tarikan ASEAN sebagai destinasi pelaburan berkait rapat dengan keupayaan kerajaan negara-negara ASEAN mengekalkan keamanan dan kestabilan serantau dan memajukan dasar-dasar mesra pelaburan.

Beliau berkata selama tiga dekad, ASEAN telah berjaya mengekalkan keamanan serta kestabilan serantau.

"Oleh itu adalah penting, bagi kesejahteraan kita bersama, untuk mengekalkan keharmonian ini yang akan membolehkan kita meneruskan matlamat pembangunan negara tanpa sebarang gangguan," katanya.

-- BERNAMA

AT AT MAI